

BAB 5

Perbincangan: Rumusan , Implikasi dan Cadangan Kajian

Pendahuluan

Kajian ini telah dijalankan bersesuaian dengan tujuan kajian, iaitu untuk mendapatkan maklum balas tentang penggunaan buku teks BAK Tingkatan Satu oleh pelajar yang mengambil subjek ini. Kutipan data - data telah dibuat dengan teknik soal selidik secara bersemuka dengan 90 orang pelajar tingkatan satu dan tingkatan dua yang dijadikan sebagai sampel kajian.

Dapatan kajian hasil analisis statistik deskriptif telah pun dibincangkan dalam bab 4 yang lalu. Justeru kerana itu dalam bab ini pengkaji akan membuat perbincangan dan rumusan dapatan kajian ini bagi menjawab soalan-soalan berikut :

- (1) Sejauhmanakah buku teks BAK Tingkatan satu telah digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran mereka ?
- (2) Apakah faktor – faktor yang mempengaruhi pelajar menggunakan buku teks BAK Tingkatan satu ?
- (3) Apakah penilaian yang diberikan oleh pelajar terhadap kesesuaian buku teks BAK Tingkatan satu dengan situasi pembelajaran sekarang ?

Kekerapan Penggunaan Buku Teks

Penggunaan buku teks BAK Tingkatan satu dalam kalangan pelajar kebanyakannya digunakan secara kadang – kadang sahaja . Namun begitu dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar banyak memanfaatkan buku teks tersebut sama ada untuk mengulangkaji di rumah , menggunakannya untuk menambahkan kemahiran berbahasa mereka seperti untuk kemahiran lisan,menulis dan membaca .

Dapatan menunjukkan kebanyakan pelajar menggunakan buku teks sebagai rujukan utama. Ini kemungkinan tidak banyak buku-buku rujukan yang lain dipasaran.Ini dapat dilihat hanya sebanyak 1.1% sahaja menyatakan tidak pernah menggunakan buku tersebut sebagai rujukan utama. Begitu juga dengan penggunaan buku teks untuk mengulangkaji di rumah di mana hanya 6.7 % sahaja menyatakan tidak pernah menggunakannya. Namun begitu kebanyakan pelajar lebih kerap menggunakannya di rumah. Kekerapan ini kerana faktor guru-guru yang memberikan kerja rumah melalui latihan yang terdapat dalam buku.

Penggunaan untuk menambahkan kemahiran lisan juga menunjukkan penerimaan pelajar terhadap buku teks ini kerana jika dilihat teks yang dipersembahkan dalam buku teks tersebut yang mempunyai baris.Keadaan ini menyebabkan pelajar lebih yakin untuk membaca secara bersendirian mahupun sewaktu dalam kelas.Dapatan ini adalah lebih menyamai penggunaan pelajar untuk kemahiran menulis. Ini kerana dapatan menunjukkan pelajar seringkali menggunakan buku tersebut untuk kemahiran menulis. Dapatan ini kerana dalam buku tersebut mempunyai latihan-

latihan serta kemahiran menulis jenis tulisan khat. Latihan yang diberikan guru dapat membantu mereka menggunakan buku teks tersebut.

Masalah perbendaharaan kata dan nahu adalah merupakan masalah yang kritikal kepada para pelajar. Mereka seringkali merungut dan menyatakan bahasa Arab adalah bahasa Arab adalah satu bahasa yang susah untuk dituturkan. Oleh kerana itu ramai pelajar jarang dan tidak berminat untuk belajar apa lagi untuk menuturkan bahasa Arab. Menurut Ketua Pusat bahasa UTM, Dr Syed Omar Syed Mashor bahawa terdapat pelajar tidak pernah menggunakan Bahasa Arab semasa mata pelajaran tersebut diajar dalam kelas.

Begitu juga menurut Dr Abd Rahim, pensyarah Fakulti Pendidikan UPM terdapat 47 % daripada pelajar SMKA menyatakan bahawa mata pelajaran Bahasa Arab adalah satu pelajaran yang sukar. Manakala 25 % pula menyatakan Bahasa Arab adalah tidak diajar dengan cara yang menarik.

Oleh itu kita lihat dapatan kajian menunjukkan pelajar kerap menggunakan buku teks tersebut dengan tujuan untuk menambahkan perbendaharaan kata Bahasa Arab mereka iaitu sebanyak 54.5 % menggunakannya dengan kerap dan sangat kerap.

Seterusnya penggunaan buku teks untuk kemahiran membaca pula menunjukkan peningkatan. Sebagai contohnya penggunaan buku untuk kemahiran membaca sebanyak 74.5 % pelajar menggunakannya secara kerap dan sangat kerap. Sementara itu jika dilihat kekerapan penggunaan buku di rumah jumlah pelajar yang kerap menggunakannya menduduki tempat tertinggi iaitu 45.6 % (41). Keadaan ini

kemungkinan disebabkan tidak adanya buku rujukan tambahan mereka dirumah. Oleh itu mahu tidak mahu buku teks merupakan pilihan untuk mereka membuat ulangkaji dalam pembelajaran mereka.

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan buku BAK tingkatan satu dalam kalangan pelajar masih digunakan dengan baik dan memuaskan. Keadaan ini seharusnya menggalakkan para guru untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran mereka dalam subjek ini. Dapatan ini sekurang – kurangnya dapat mengatasi masalah kualiti guru sepertimana yang di perkatakan oleh Mohamad Abdul (1994) antara faktor utama menentukan kejayaan atau kegagalan pengajaran bahasa Arab ialah kualiti guru atau pengajar yang terlibat secara langsung dalam kerjaya ini. Sesiapa yang ingin berjaya hendaklah menguasai tiga perkara iaitu pelajaran yang disampaikan, jiwa serta latar belakang pelajar dan teknik pengajaran yang baik.

Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Buku Teks

Untuk menjawab soalan tentang faktor – faktor yang mempengaruhi penggunaan buku teks oleh pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar banyak bergantung kepada pengaruh guru yang menggunakan buku teks berbanding dengan pengaruh rakan sebaya. Misalnya terdapat 52.2 % (47) responden setuju dengan faktor ini. Begitu juga dari sudut kandungan yang banyak dari buku teks tersebut seperti nahu, perbendaharaan kata, agama, mendorong mereka untuk menggunakannya.

Penggunaan buku teks kerana faktor guru adalah disebabkan semasa sesi pengajaran pemelajaran guru menggunakan buku tersebut sebagai bahan pengajaran. Oleh kerana itu maka kita dapati bahawa jumlah pelajar menggunakan buku tersebut adalah ramai.

Penggunaan buku teks kerana faktor rakan pula nampaknya memberikan dapatan sebanyak 91.2 % tidak dan kurang bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pelajar memang tidak terpengaruh dengan rakan dalam penggunaan buku tersebut. Walaupun rakan adalah penyumbang dalam menimbulkan minat terhadap buku teks Namun kebanyakan pelajar tidak terpengaruh dengan faktor tersebut.

Faktor nahu pula menunjukkan jumlah yang tinggi dalam dapatan tersebut iaitu sebanyak 95.5 % menyatakan setuju dan sangat setuju menggunakan buku teks kerana faktor nahu. Apa yang menyebabkan mereka bersetuju ialah kerana terdapat sub topik dalam buku tersebut mengandungi tajuk nahu khusus serta persembahan nahu yang lebih menarik dan mudah untuk difahami.

Seterusnya perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks, kamus bergambar serta penambahan perkataan seperti menunjukkan pelajar bertambah suka untuk menggunakan buku teks tersebut. Ini dapat dilihat dengan 84.5 % pelajar menyatakan persetujuan mereka untuk menggunakannya boleh menambah perbendaharaan kata bahasa Arab.

Selanjutnya faktor agama turut memberikan sumbangan yang tinggi penggunaan pelajar kerana faktor tersebut. Ini kerana dalam buku teks terdapat ayat al Quran,

Hadis, perumpamaan, syair dan topik-topik yang mencakupi keagamaan membolehkan mereka bersetuju dengan faktor ini dengan 71.1 % menyatakan persetujuan mereka.

Namun begitu pelajar nampaknya kurang berminat dengan persembahan grafik buku teks tersebut. Contohnya dari segi warna seramai 64 responden (71.1 %) tidak bersetuju dan kurang bersetuju dengan faktor tersebut. Keadaan ini disebabkan oleh had muka surat berwarna telah ditentukan. Keadaan ini sedikit sebanyak menyebabkan pelajar kurang bersetuju dengan muka surat hitam putih yang persembahkan.

Begitu juga dengan faktor tulisan, sebanyak 61.1 % responden menyatakan kurang bersetuju. Bentuk dan jenis tulisan dalam buku teks pula hanya satu jenis tulisan sahaja seperti yang disyaratkan oleh BBT. Begitu juga dengan latihan dan tulisan khat iaitu hanya khat *nasakh* sahaja untuk Tingkatan satu. Walaupun begitu responden lebih bersetuju dengan faktor bahasa dan istilah yang digunakan agak mudah menyebabkan salah satu sebab yang mempengaruhi mereka menggunakan buku teks tersebut.

Namun apa yang mungkin perlu diberi perhatian ialah mereka kurang setuju dengan faktor isi kandungannya yang tidak terlalu panjang. Contohnya sebanyak 48.9 % (44) yang kurang bersetuju dengan faktor ini. Akhirnya secara keseluruhan faktor – faktor yang mempengaruhi mereka untuk menggunakan buku teks juga mungkin mempunyai sebab yang lain daripada yang dipaparkan.

Penilaian Terhadap Kesesuaian Buku Teks

Hasil kajian tentang kesesuaian buku teks menunjukkan 12 aspek yang digubal sebagai item mendapat respon 'memuaskan' melebihi 40 %. Ini merupakan petunjuk bahawa pelajar masih berpuas hati dengan tahap kualiti buku teks. Penilaian buku teks yang mampu mencungkil bakat pelajar merupakan respon tertinggi dalam kategori memuaskan iaitu sebanyak 54.4 %.

Dari sudut kepelbagaian isi kandungan dalam buku teks juga menunjukkan pelajar berpuashati dengan bentuk kandungan tersebut iaitu sebanyak 70 % memberikan penilaian memuaskan dan sangat memuaskan. Kita dapati bahawa dapatan ini dapat dibuktikan dengan tajuk-tajuk yang terdapat dalam buku teks merangkumi tajuk yang terkini dan merangkumi aspek kehidupan harian pelajar .

Namun begitu terdapat perbezaan dari sudut persembahan grafik dimana ketika responden menyatakan kurang bersetuju dengan grafik buku teks yang menarik minat mereka dalam bahagian C sebaliknya semasa memberikan penilaian dari sudut bahan grafik dalam bahagian D, pelajar sebaliknya memberikan maklum balas yang memuaskan sebanyak 42.2 %.

Dari sudut penggunaan ICT pula pelajar memberikan penilaian memuaskan dan sangat memuaskan sebanyak 58.8 %. Keadaan ini menunjukkan bahawa dalam buku teks terdapat maklumat ICT. Namun maklumat tersebut perlu ditambah lagi dari masa ke semasa agar ianya relevan digunakan sepanjang masa.

Seterusnya maklum balas yang diperolehi amat sedikit pelajar memberikan respon tidak memuaskan terhadap kualiti buku teks tersebut melalui beberapa item yang diberikan. Ini menunjukkan kepada kita bahawa kualiti buku teks BAK Tingkatan 1 dapat diterima oleh pelajar dan besesuaian dengan tahap usia mereka. Justeru itu dapatlah disimpulkan bahawa dapatan kajian bahagian D ini masih relevan dan sesuai dengan kehendak Bahagian Buku Teks.

Implikasi Kajian

Oleh kerana kajian ini hanya dijalankan disebuah lokasi yang kecil sahaja serta melibatkan sampel yang sedikit iaitu hanya seramai 90 responden sahaja, maka berkemungkinan hasil kajian ini kurang menampakkan implikasi yang tepat dan dapat dimanfaatkan oleh pihak – pihak yang berkaitan termasuk Bahagian Buku Teks (BBT), panel penulis buku teks, penerbit buku dan para guru yang mengajar subjek ini.

Kepada pihak BBT, hasil kajian ini diharap dapat memberi gambaran dan maklumat awal terhadap keberkesanan penggunaan buku teks tersebut setelah hampir dua tahun penggunaannya. Selain dari itu juga mereka perlu memikirkan cara terbaik dari masa ke semasa untuk menyesuaikan kandungan buku teks dengan keadaan semasa sesuai dengan keperluan pelajar masa kini. Langkah BBT untuk mengadakan semakan semula terhadap buku teks ini nampaknya berjaya mengatasi masalah seperti yang di utarakan oleh Dr Mahmud Al Syed (1988) antara masalah dalam pengajaran Bahasa Arab ialah:

1. Buku yang tidak sesuai
2. Guru lebih banyak bercakap
3. Kurang kamus yang sesuai di semua peringkat
4. Pelajar tidak tahu matlamat belajar
5. Masalah kekurangan buku perpustakaan yang dapat memenuhi keperluan pelajar.
6. Kaedah pengajaran menggunakan kaedah lama.
7. Guru tidak menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya
8. Beban mengajar dengan subjek lain.

Begitu juga dengan pandangan Dr Fathi Yunus (1990) menegaskan bahawa bahasa Arab sukar dipelajari kerana kekurangan buku pengajaran yang benar-benar sesuai dan pengajaran bahasa Arab ditumpukan kepada nota sahaja. Dengan itu langkah BBT menyediakan buku teks ini sewajarnya diberikan penghargaan yang tinggi.

Manakala kepada para panel penulis buku teks pula dapatan kajian ini boleh menjadi sebahagian daripada garis panduan untuk mereka menulis dan mereka cipta buku teks yang lebih mendatangkan minat pelajar terhadap penggunaannya sesuai dengan ciri – ciri *mesra pengguna* seperti yang dihasratkan. Beberapa aspek seperti persembahan grafik yang nampaknya mendapat respon kurang memuaskan daripada pelajar perlu dipelbagaikan sepertimana dicadangkan oleh BBT kepada panel penulis.

Implikasi kajian ini kepada para pelajar pula ialah diharapkan kajian ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk meluahkan pandangan dan penilaian mereka sendiri terhadap sebarang kekurangan dari sudut kandungan, latihan, persembahan

grafik dan sebagainya dalam buku teks tersebut. Keadaan ini sedikit sebanyak dapat menyalurkan pandangan mereka ini terhadap pihak yang bertanggungjawab untuk menghasilkan buku teks yang benar – benar dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran berbahasa. Akhirnya pelajarlah yang sepatutnya mendapat manfaatnya kerana semuanya ini adalah untuk masa depan mereka.

Batasan Kajian dan Cadangan

Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji dengan beberapa batasan kajian contohnya dari segi jumlah sampel kajian yang kecil serta pemilihan sampel adalah secara bertujuan (tidak rawak) Begitu juga dengan lokasi kajian yang bertumpu hanya di kawasan yang kecil yang pastinya tidak dapat mewakili semua kategori yang dikehendaki. Oleh kerana itu dapatan kajian tidak boleh di generalisasikan kepada umum.

Justeru kerana itu pengkaji ingin mencadangkan agar kajian yang lebih menyeluruh dijalankan dengan sampel yang lebih besar (minimum 100, Frankel, 1996) yang dipilih secara rawak. Di samping itu juga lokasi kajian hendaklah diperbanyakkan dan merangkumi semua aspek. Selain itu juga kajian secara kualitatif boleh dilakukan untuk membentuk pengetahuan dan pemahaman secara lebih mendalam tentang sejauh manakah pelajar memanfaatkan buku BAK Tingkatan 1 ini .

Pandangan-pandangan dari semua pihak seperti pelajar, guru, panel penulis, dan pakar-pakar bahasa perlu diambil kira oleh pihak BBT dalam menghasilkan buku teks yang lebih mutu dan berkualiti untuk benar-benar menjamin hasil yang memuaskan

semua pihak. Dengan adanya buku teks yang tinggi mutunya sama ada dari segi kandungan, persembahan grafik, saiz, ilustrasi dan sebagainya kita akan dapati buku tersebut akan lebih kerap digunakan oleh pelajar dan dapat dimanfaatkan dengan semaksima mungkin.

Kesimpulan

Justeru kerana itu dapatlah disimpulkan bahawa rumusan yang dibuat dalam bab ini dapat diambil perhatian dan dijadikan sedikit panduan oleh pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan buku teks yang lebih bekualiti pada masa akan datang. Keadaan ini memerlukan komitmen yang tinggi dari semua pihak bagi memastikan generasi akan datang bukan sahaja mampu menguasai bahasa Arab tetapi dapat memahami tafsiran ayat al Quran. Apabila masyarakat dapat memahami al Quran maka generasi muda dapat mendalami dan mematuhi perintah Allah dengan lebih taat lagi.